


PENARIKAN BALIK & PERMINTAAN MAAF

Saya Badrul Hisham Shaharin atau dikenali dengan nama pena Che Gu' Bard dengan ini memohon maaf atas pernyataan tidak benar yang diterbitkan di laman facebook saya pada 30/01/2022 dan 01/02/2022 berkenaan kaitan Syarikat Smtrack Berhad di dalam keputusan kerajaan untuk menggantikan sistem tol Smart Tag ke sistem RFID dan juga pernyataan berkaitan syarikat Smtrack Berhad dengan perantikan Dato' Saiful Nizam Mohd Yusoff selaku Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan Tan Sri Lee Kim Yew selaku Pemegang Saham Syarikat.

Setelah mendapat penjelasan daripada syarikat Smtrack Berhad semasa prosiding di Mahkamah saya telah mendapati kenyataan saya adalah tidak benar dan sesungguhnya saya menyesali tindakan saya tersebut kerana telah mengeluarkan kenyataan kepada umum tanpa usul periksa atau merujuk kepada syarikat Smtrack Berhad terlebih dahulu. Oleh itu saya bersetuju untuk tidak lagi mengulangi dan atau menerbitkan semula isu ini kepada umum.



BADRUL HISHAM SHAHARIN

Bertarikh pada 20 haribulan FEB 2024